



# Vaksin tambahan perlu selepas 10 tahun

→ Kesan imunisasi menurun boleh dedahkan kepada penyakit berjangkit

nyakit berjangkit seperti difteria dan demam campak walaupun pernah mendapatkan suntikan vaksin.

"Kesan imunisasi akan menurun apabila tiada jangkitan berlaku dalam tempoh 10 tahun, sekali gus mendedahkan orang ramai kepada ancaman penyakit berjangkit.

## Dapat vaksin tambahan

"PERDIM mencadangkan orang ramai mendapatkan vaksin tambahan jenis difteria dan tetanus, selepas 10 tahun mendapatkan suntikan vaksin atau vaksin percuma Program Imunisasi Kerajaan bagi mengelakkan jangkitan difteria," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kewujudan kumpulan antivaksin dan kemunculan semula penyakit yang sudah lama dihapuskan sejak dua dekad lalu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, mendakwa tindakan kumpulan antivaksin menyebabkan imuniti berkelompok 'rapuh' dan meningkatkan risiko serangan penyakit berjangkit.

Katanya, semua klinik kesihatan daerah dan jururawat masyarakat diarah membuat semakan dan la-



Kebanyakan vaksin jenis lama akan mengalami kemerosotan selepas 10 tahun selain, gagal 'mengenali' dan mengesan virus yang tidak pernah menyerang pesakit"

**Dr Norzaidi Zakaria,**  
Presiden PERDIM Selangor



Mereka yang bersalin di hospital swasta, kalau dimaklum kepada klinik kerajaan, kita akan buat susulan. Banyak hospital swasta juga ada perkhidmatan susulan kepada ibu dan anak selepas bersalin"

**Dr Lokman Hakim Sulaiman,**  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Awam,  
Kementerian Kesihatan

watan dari rumah ke rumah bagi mengesan kes kanak-kanak tercicir mendapatkan vaksinasi di kawasan masing-masing.

"Pada masa ini, klinik kesihatan memang membuat susulan untuk jadual imunisasi kepada bayi yang ibunya bersalin di hospital kerajaan. Lawatan ibu selepas bersalin adalah antara perkhidmatan yang disediakan.

"Justeru, tidak timbul isu hospital dan klinik kerajaan tidak memantau pemberian imunisasi. Apabila ibu dan anak tidak hadir ke klinik untuk imunisasi, klinik akan membuat susulan melalui panggilan telefon atau lawatan ke rumah.

"Bagi mereka yang bersalin di hospital swasta, kalau dimaklum kepada klinik kerajaan, kita akan membuat susulan. Banyak hospital swasta juga ada perkhidmatan susulan kepada ibu dan anak selepas bersalin," katanya.

## Ancaman warga asing

Beliau menjelaskan wujud keciciran apabila ibu bapa kerap berpindah-randah dan tidak memaklumkan kepada klinik kesihatan.

Mengenai lambakan warga asing yang tiada imunisasi menyebabkan penularan penyakit berjangkit, katanya, perkara itu tidak akan berlaku jika semua warga negara ini mendapatkan vaksin.

Oleh Rohaniza Idris dan Nadia Hamid  
bhnews@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Orang ramai, terutama golongan dewasa disaran mendapatkan vaksin tambahan setiap 10 tahun kerana kesan imunisasi suntikan vaksin terdahulu akan menurun selepas tempoh itu.

Presiden Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM) Selangor, Dr Norzaidi Zakaria, berkata kebanyakan vaksin jenis lama akan mengalami kemerosotan selepas 10 tahun selain, gagal 'mengenali' dan mengesan virus yang tidak pernah menyerang pesakit.

Beliau berkata, ia menyebabkan sesiapa sahaja berisiko terkena pe-

BH  
M/S 11  
2/8/16